NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#16

18 April 2024 – 24 April 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Kerajaan Masih Hadapi Krisis Keyakinan 2

Servis 5G: Mana Lebih *Feasible*? 5

Padi Huma Alternatif Lebih Baik Daripada Ubi Kayu 7

Impak Penerokaan Lembangan Langkasuka 9

Bantuan US Bersifat Selektif dan Berkepentingan 11

Teliti Semula SOP Aktiviti Luar Bilik Darjah 14


NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Kerajaan Masih Hadapi Krisis Keyakinan

- Walaupun hampir dua tahun memerintah, Kerajaan MADANI masih menghadapi **krisis keyakinan**. Hasil kajian terbaru ditunjukkan daripada firma penyelidikan dan perundingan pasaran multinasional, Ipsos Group S.A.

- Firma yang beribu pejabat di Paris, Perancis, mendedahkan bahawa semakin ramai rakyat Malaysia percaya negara **tidak mempunyai hala tuju** yang betul dengan peningkatan sebanyak 21% pada Mac 2024.



- Seramai 26% pada Januari 2023 berpendapat Malaysia berada pada hala tuju yang salah dan ia meningkat pada Mac 2024 menjadi 47%. Rasuah kewangan dan politik kekal menjadi kebimbangan utama rakyat berkenaan hala tuju.

- Kebimbangan rakyat ini berasas, berdasarkan beberapa **tindakan Menteri** kerajaan MADANI yang melakukan tindakan tidak beretika di kala Malaysia akan berhadapan dengan pilihanraya kecil iaitu PRK Kuala Kubu Baharu (N06), Selangor.

- Walaupun dinafikan ia sebagai **gula-gula pilihanraya**, namun Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan peruntukan RM5.21 juta kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dan MPKK di Hulu Selangor.
- Rakyat Malaysia percaya ia adalah rasuah pilihanraya dan ia turut dipersetujui oleh NGO seperti Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme (C4 Center) dan Tindak Malaysia mengecam tindakan Nga Kor Ming.
- Turut berpesta **salah guna kuasa** adalah Datuk Seri Timbalan Perdana Menteri yang merasmikan Mesyuarat Berkelompok Cawangan-Cawangan UMNO Bahagian Hulu Selangor di dewan MRSM.
- Malahan pesta penyalahgunaan jentera kerajaan setakat ini disambut oleh Menteri Pertahanan yang secara tiba-tiba, mengumumkan peruntukan sebanyak RM596,283 untuk penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Taman Seruling, Kuala Kubu Bharu.
- Ternyata apa yang diingatkan oleh BERSIH malahan amaran oleh Menteri Komunikasi agar jentera kerajaan tidak disalah gunakan tidak diendahkan oleh DAP dan UMNO.
- Nampaknya penyakit UMNO pada suatu masa dahulu yang ditentang oleh DAP sendiri kita berjangkit kepada DAP-PH. Maka adalah suatu yang tidak mengejutkan jika makin ramai rakyat yang semakin **hilang keyakinan** kepada kerajaan gabungan PH-BN ini.
- Jika tindak tanduk sebegini masih diamalkan, maka UMNO boleh mengucapkan selamat tinggal manakala DAP-PH sudah boleh bersedia membuat ucapan selamat tinggal kepada kepada dunia politik negara.

RUJUKAN

- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/18/most-malaysians-think-country-on-right-path-but-doubters-growing-over-corruption-and-taxes-ipsos-poll-shows/129376
- https://www.malaysiakini.com/news/703044
- https://malaysiagazette.com/2024/04/22/baiki-rumah-tentera-di-kkb-hanya-kebetulan-tiada-motif-politik-khaled/
- https://bersih.org/2023/08/05/jangan-salah-guna-jentera-kerajaan-untuk-berkempen/

Servis 5G: Mana Lebih *Feasible*?

- Baru-baru ini, Channel News Asia telah mendakwa bahawa rundingan untuk mewujudkan entiti kedua ataupun **dual wholesale network** (DWN) berkemungkinan besar bakal menemui kegagalan. Ini kerana kerajaan dan syarikat telekomunikasi (telco) masih tidak menemui kata sepakat, malah DNB kini sepatutnya masuk fasa kedua iaitu 'due diligence into DNB's operations' masih tidak bermula.

- Antaranya setiap syarikat telco boleh melantik pengarah untuk mewakili syarikat dalam lembaga pengarah DNB dan menyelesaikan audit sulit ke atas kewangan, kontrak dan infrastruktur teknikal syarikat.

- Menteri Komunikasi pula memberi alasan bahawa kesulitan ini berlaku sebahagiannya kerana kebimbangan terhadap dakwaan ketidaktelusan DNB berhubung **pemilihan Ericsson** dan hujah ini disangkal oleh DNB. DNB dalam kenyataannya tetap berpegang bahawa ini bukan masalah kerana Ericsson dipilih setelah melalui proses pemilihan tender yang ketat dan memenuhi piawaian yang ditentukan.

- Ini diikuti dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa jika proses ini gagal, kerajaan berkemungkinan akan membuka ruang kepada operator kedua untuk masuk menjadi pesaing kepada DNB di mana setakat ini telah melantik Ericsson sebagai operator.

- Isu ini semakin berat apabila DNB bakal menghadapi **masalah tunai** dalam beberapa bulan akan datang tanpa suntikan dana baru daripada kerajaan. Ini kerana DNB banyak mendapatkan pembiayaan dengan bank, malah jaminan kerajaan juga akan tamat pada Disember tahun ini.

- Walau bagaimanapun, ada pihak berpandangan bahawa kita perlu kembali kepada **objektif asal** penyediaan rangkaian kepada pengguna iaitu servis

yang berkualiti, berpatutan dengan liputan yang lebih luas. Di mana kerajaan menyediakan menara/tiang bagi setiap 1 km2 di kawasan berpenduduk (termasuk jalan raya) dan setiap menara ini bersambung dengan 'dark fiber'.

- Prasarana ini kemudiannya dikongsi untuk kegunaan semua telco. Ini dapat menyediakan kemudahan rangkaian yang minimum sama di semua tempat dan **mengelakkan duplikasi** fasiliti dan kos. Malah untuk melunaskan agenda ekonomi digital, kita tidak perlu dua kementerian pun.

- **Kayu ukur servis rangkaian** perlu diluruskan. Sekarang kerajaan fokus kepada kelajuan, bukan sejauh mana keluasan liputan dan konsistensi perkhidmatan. Dikatakan sasaran penyediaan rangkaian sudah tercapai 80% tahun lepas tetapi kita tidak jelas sejauh mana keluasan liputannya. Adaptasi 5G pula baru hampir 30%. 4G pun sebenarnya sudah cukup untuk kegunaan harian.

- Pembuatan dasar kerajaan sepatutnya tidak dirumitkan kerana tujuan adaptasi servis 5G adalah untuk meningkatkan sumbangan industri dalam ekonomi digital. Kerajaan kerjanya melindungi rakyat dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik. Dalam banyak keadaan, kita hanya memerlukan 'common sense' untuk menyediakan solusi.

- Pembangkang terdahulu yang kini menjadi kerajaan kecoh mendakwa DNB ada skandal seperti skandal 1MDB yang mana ia perlu dihapuskan. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih tiada bukti skandal DNB.

- Maxis dan Huawei sudah memulakan inisiatif rangkaian 5.5G, apa nasib DNB yang sekarang sedang memperluaskan rangkaian 5G? Kita mahu apa sebenarnya.

RUJUKAN

- https://www.digitalnewsasia.com/business/dnbs-response-channel-news-asia-article-malaysias-5g-roll-out

Padi Huma Alternatif Lebih Baik Daripada Ubi Kayu

- Rata-rata pakar pertanian dan sekuriti makanan bersetuju bahawa **tanaman padi huma** adalah alternatif lebih baik berbanding ubi kayu bagi menambah bekalan beras putih tempatan (BPT) sedia ada.
- Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad, Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan di Laboratori Kajian Polisi Pertanian dan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan UPM berkata, selain padi huma, negara juga sepatutnya menerokai **lebih banyak jenis tanaman padi** lain sebagai usaha jangka masa panjang keterjaminan makanan negara.
- Namun menurutnya, tanaman baharu semestinya memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) demi meningkatkan produktiviti untuk kegunaan tempatan selain dapat mengenal pasti potensi untuk dikomersilkan.
- Ini kerana menurut laporan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tahun 2018, Malaysia hanya mencatatkan bilangan pengeluaran varieti beras yang sangat rendah iaitu 49 berbanding negara jiran Indonesia (238), Vietnam (183), Thailand (96) dan Myanmar (78). India dan Filipina pula jauh ke hadapan dengan penghasilan ribuan varieti beras.
- "Sedangkan Malaysia kaya dengan biodiversiti termasuk varieti padi yang tidak diterokai seperti padi huma dan ratusan lagi varieti di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, lebih banyak R&D diperlukan, mulakan R&D besar-besaran untuk bangunkan pelbagai jenis padi yang baharu bagi tujuan pengkomersialan juga untuk memelihara keadaan tanah," tambah beliau.
- Pensyarah Kanan, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM), Dr. Nur Ameera A Jaz juga berpandangan, tanaman padi huma sebagai alternatif lebih baik atas faktor rakyat Malaysia mungkin cenderung kurang menyukai ubi kayu.
- "Walaupun keperluan pengairan padi huma kurang berbanding padi biasa, namun hasilnya juga tidak sebanyak padi biasa. Akan tetapi, ia masih lagi boleh menjadi sumber alternatif yang baik. Ini kerana nasi adalah sumber

makanan utama bagi penduduk Malaysia, dan usaha untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan termasuk padi huma adalah penting untuk sekuriti makanan jangka panjang juga kebergantungan terhadap beras import," jelasnya lagi.

- Perkara ini mendapat perhatian pakar selepas **Menteri Besar Kedah**, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang menyarankan penduduk negeri itu mengusahakan tanaman padi huma sebagai alternatif menambah bekalan BPT serta menjawab cadangan **Yang di-Pertua Dewan Rakyat** Johari Abdul yang menyarankan orang ramai menjadikan ubi kayu sebagai sumber alternatif untuk karbohidrat.
- Dalam waktu yang sama, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menawarkan diri menjadi **pengimport beras** bagi meningkatkan keterjaminan bekalan beras negara.
- Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa boleh menjadi pengimport bahan itu melalui kerjasama dengan rangkaian koperasi antarabangsa termasuklah negara jiran.
- Adalah menjadi saranan kepada pembuat polisi terutamanya mereka yang terdiri daripada ahli politik untuk mengambil kira pandangan pakar dan kebolehlaksanaan dalam merangka dasar. Begitu juga melihat kembali syarat-syarat yang telah ditetapkan kerajaan melalui perjanjian dan konsesi kepada semua pemegang taruh yang terlibat sebelum menyatakan cadangan.


RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/660078/berita/nasional/setuju-cadangan-tanam-padi-huma
- https://www.malaysiakini.com/news/701936
- https://www.sinarharian.com.my/article/660527/berita/nasional/angkasa-tawar-diri-jadi-pengimport-beras

Impak Penerokaan Lembangan Langkasuka

- Susulan daripada perkembangan sektor minyak dan gas tanah air yang berkemungkinan akan membuat penerokaan di **lembangan Langkasuka**, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) akan memantau secara dekat sebarang projek baharu melibatkan alam sekitar.

- Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad ingin memastikan pelaksanaan projek baharu itu mematuhi **piawaian alam sekitar**, serta mempunyai tanggungjawab yang tinggi kepada masyarakat memandangkan lembangan yang mahu dibangunkan terletak hanya 30 km dari Pulau Pinang dan 20 km dari Langkawi.



- Lembangan Langkasuka yang terletak di kawasan utara Selat Melaka itu sedang diteroka oleh PETRONAS menerusi pelancaran **Malaysia Bid Round 2024** yang melibatkan 5 blok penerokaan, selain lembangan Semporna dan Sandakan di luar pesisir timur Sabah.

- Pada November 2023, PETRONAS dan CGG sudah memulakan tinjauan seismik 2D di utara Selat Melaka seluas 38,000 km^2 bagi mengenal pasti potensi

hidrokarbon di blok PM320 dan PM321 memandangkan sistem petroleum di sini tidak banyak diteroka.

- Memandangkan Malaysia **masih sangat bergantung** kepada hasil bumi seperti petroleum, ini tidak boleh mengecilkan komitmen dan pendirian Malaysia berpandukan **The UAE Consensus** yang dibuat pada persidangan perubahan iklim COP28 di Dubai tahun lepas, antaranya menggariskan:
    - Komitmen peralihan daripada semua bahan api fosil dalam sistem tenaga dengan cara yang adil, teratur dan saksama
    - Sasaran untuk mengembangkan kapasiti tenaga boleh baharu sehingga mencapai kapasiti global tiga kali ganda
    - Penggandaan kapasiti tenaga menjelang 2030
- Satu NGO alam sekitar, **RimbaWatch** turut menyatakan kebimbangan risiko ancaman terhadap kehidupan biologi marin pantai sekali gus menjejaskan mata pencarian masyarakat nelayan dan sektor pelancongan tempatan. Sekiranya tumpahan minyak berlaku seperti di Tanjung Balau, ia boleh kekal di mendapan dan persekitaran marin untuk tempoh beberapa tahun.
- Apapun, sebarang projek minyak dan gas negara pada masa akan datang akan memperlahan rentak negara untuk mencapai **pelepasan karbon sifar bersih** menjelang tahun 2050 yang disasarkan sendiri oleh PETRONAS dalam agenda kelestarian mereka, NZCE 2050.

RUJUKAN

- https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2290359
- https://www.offshore-mag.com/geosciences/article/14301605/frontier-langkasuka-basin-2d-survey-underway-offshore-malaysia
- https://www.offshore-mag.com/geosciences/article/14304035/petronas-awards-offshore-malaysia-blocks-opens-2024-bid-round
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/22/petronas-project-may-endanger-langkasuka-basin-surroundings-says-ngo/

Bantuan US Bersifat Selektif dan Berkepentingan

- Pada 23 April 2024, Kongres Amerika Syarikat (AS) telah **meluluskan bantuan** sebanyak $95 bilion untuk Ukraine, Israel, dan Taiwan. Pakej bantuan tersebut telah mendapat undian yang terbesar. Pakej bantuan tersebut diluluskan oleh Dewan dan Kongres. Selain itu, terdapat beberapa isu dibincangkan menghadapi ancaman aplikasi Tiktok terhadap komuniti.
- Bagi pecahan pakej bantuan tersebut, **Ukraine** menerima sebanyak $60.8 bilion bagi memperkukuh pertahanan bagi menghadapi serangan dari Rusia. Melalui bantuan ini, Kongres berharap sistem pertahanan udara dapat dinaik taraf selain AS menyatakan kesediaan untuk campur tangan dalam konflik Ukraine-Rusia.
- Kongres AS telah meluluskan pakej bantuan sebanyak $26.3 bilion untuk **Israel** dan bantuan kemanusiaan di zon konflik di Gaza. Dalam isu ini, ia jelas menunjukkan bahawa AS tidak mempunyai minat untuk mempertahankan Palestin daripada peperangan genosid. Malah, sewaktu Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Besatu (PBB) pada pertengahan April 2024, AS telah membuat undian veto untuk tidak mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara berdaulat manakala terdapat dua negara mengambil keputusan tidak bersekutu (United Kingdom dan Switzerland).
- Kongres AS telah meluluskan sebanyak $8.1 bilion bagi menguatkan pertahanan **rantau Indo-Pasifik** bagi melindungi kawasan perairan tersebut daripada ancaman China. Pakej ini bagi menyeimbangkan pengaruh kemaraan tentera dan ekonomi China.
- Di samping itu, Kongres AS juga mengambil keputusan untuk memaksa **ByteDance**, pemilik aplikasi media sosial TikTok untuk menamatkan operasinya di AS dalam tempoh setahun. Sekiranya ByteDance tidak berbuat

demikian, AS akan melarang dan mengharamkan aplikasi tersebut secara kekal daripada digunakan di seluruh negara.

- Presiden Joe Biden juga menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh Kongres AS, yang dilihat sebagai langkah paling keras terhadap TikTok untuk mengakhiri operasinya.
- Melalui persidangan tersebut, ini menunjukan bahawa AS serius dalam mengekang ancaman dan pengaruh dari China. Ia dapat dilihat melalui pakej bantuan ketenteran Indo-China dan keseriusan menutup operasi aplikasi TikTok. AS dilihat tidak mahu berkompromi dengan mana-mana kuasa besar yang cuba mengganggu gugat kuasa hegemon yang dimilikinya bagi mendominasi politik global.
- Kongres AS telah menyatakan pendirian yang bersifat tidak manusiawi dengan pemberian pakej bantuan terhadap Israel sedangkan majoriti ahli PBB telah menyatakan pendirian untuk mengiktiraf Palestin sebagai ahli PBB yang ke-194 dalam persidangan baru-baru ini. Pemberian pakej bantuan kemanusiaan terhadap Gaza sedikit sebanyak tidak menyelesaikan konflik Gaza-Israel malah ia hanya menjadikan angka korban rakyat Palestin meningkat hari demi hari.
- Kongres AS juga telah menunjukkan satu **kecenderungan yang berat sebelah** apabila menyatakan pendirian dalam konflik Ukraine-Rusia dan Gaza-Palestin. Pemberian pakej bantuan kepada Ukraine secara khusus adalah untuk meningkatkan keampuhan kekuatan ketenteraan Ukraine terutamanya ruang udara. Ia juga sebagai persediaan kepada Ukraine bagi menangkis apa-apa serangan udara yang dilancarkan oleh Rusia pada masa akan datang.
- Namun apabila bercakap tentang keamanan dan kedaulatan bagi Palestin, Kongres AS cenderung untuk membantu Israel. Umum mengetahui bahawa

AS dan Israel mempunyai ekonomi di mana AS telah melabur sejumlah dana untuk membangunkan teknologi ketenteraan.

RUJUKAN

- https://www.theguardian.com/us-news/2024/apr/23/senate-aid-bill-ukraine-israel-taiwan
- https://apnews.com/article/un-vote-palestinian-membership-us-veto-8d8ad60d8576b5ab9e70d2f8bf7e2881
- https://www.scmp.com/news/china/article/3260118/senate-passes-bill-force-bytedance-sell-tiktok-or-face-us-ban-app

Teliti Semula SOP Aktiviti Luar Bilik Darjah

- Jumaat lalu, kita mendapat khabar duka apabila seorang pelajar tingkatan 2, Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Nuqman Naufal Shamsul Fadzli, meninggal dunia selepas rebah ketika menyertai **aktiviti merentas desa**.
- Dalam kejadian kira-kira 9.30 pagi itu, pelajar lelaki yang berusia 14 tahun berkenaan sempat dikejarkan ke hospital dan diberikan rawatan, namun disahkan meninggal dunia kira-kira dua jam kemudian.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan pada 20 April 2024 menzahirkan rasa dukacita terhadap insiden berkenaan selain berjanji akan membantu dan menyalurkan bantuan kebajikan berkaitan kepada pihak keluarga pelajar berkenaan.
- Dalam kenyataan yang sama, KPM turut menggesa semua institusi pendidikan agar sentiasa mematuhi **garis panduan penganjuran aktiviti luar bilik darjah** agar insiden yang sama tidak berulang kembali.
- Mengikut rekod keterangan bapa pelajar berkenaan, Nuqman Naufal merupakan seorang **penghidap jantung berlubang** sejak 2016 dan mempunyai kad rawatan dari Institut Jantung Negara selain sentiasa dibekalkan dengan ubat-ubatan.
- Justeru, aktiviti luar bilik darjah yang memerlukan Nuqman Naufal melakukan aktiviti kecergasan fizikal dalam tempoh masa yang lama seperti merentas desa adalah amat berisiko dan sewajarnya dicegah oleh pihak sekolah.
- Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad ketika ditemu bual wartawan bagi mengulas isu ini menzahirkan rasa kecewa dan menegaskan kementeriannya akan bekerjasama dengan KPM bagi meneliti

semula prosedur operasi standard (SOP) aktiviti luar bilik darjah sekolah di seluruh negara.

- Beliau turut tegas menyatakan bahawa isu pematuhan SOP aktiviti luar bilik darjah ini sudah kerap kali ditegur oleh pihak kementeriannya untuk dipatuhi namun mungkin kerana tiada tindakan yang tegas menyebabkan peristiwa malang ini terjadi.
- Isu keselamatan dan pematuhan SOP semasa aktiviti luar bilik darjah sewajarnya diberi penekanan serius oleh pihak sekolah kerana kegagalan mematuhinya boleh mengundang musibah yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa.
- Justeru, pihak sekolah seharusnya mengambil langkah proaktif dalam memastikan keselamatan pelajar terjamin. KPM dan KKM juga harus meningkatkan kerjasama meneliti semula semua SOP keselamatan agar kesedaran terhadap risiko dan bahaya ketika berada di sekolah dan aktiviti luar bilik darjah sentiasa diberi keutamaan.

RUJUKAN

- https://www.kosmo.com.my/2024/04/20/kpm-ucap-takziah-atas-pemergian-nuqman-naufal/
- https://www.sinarharian.com.my/article/660657/berita/nasional/kkm-kpm-teliti-semula-sop-aktiviti-luar-bilik-darjah
- https://www.sinarharian.com.my/article/660540/berita/semasa/pelajar-meninggal-ketika-merentas-desa-kpm-ucap-takziah-kepada-keluarga



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**